

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan:
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda / berulang
 - penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
Jumlah markah											20

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat pokok dalam kehidupan manusia di muka bumi ini / di dunia ini / di Malaysia / di negara ini.

2

Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat pokok dalam kehidupan manusia.

1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Kepentingan pokok dalam kehidupan manusia:

- | | |
|--|---|
| 1. Menjadi teduhan bagi sesebuah rumah | 2 |
| 2. Bekalan oksigen yang menjadi nadi kehidupan manusia diperoleh | 2 |
| 3. Menjadi penebat haba yang menghalang haba daripada masuk ke dalam rumah | 2 |
| 4. Melindungi manusia daripada terik cahaya matahari | 2 |
| 5. Membantu menyejukkan badan | 2 |
| 6. Membantu menghalang hakisan tanah | 2 |
| 7. Menyerap dan mengurangkan kadar kelajuan air hujan | 2 |
| 8. Mencantikkan pemandangan dengan pokok yang teratur | 2 |
| 9. Membantu mengembalikan fungsi penyaman udara semula jadi | 2 |
| 10. Mengurangkan kebergantungan manusia terhadap penyaman udara moden | 2 |

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

Langkah-langkah menggalakkan masyarakat menanam pokok:

- | | |
|--|---|
| 1. Memberi info / mengadakan ceramah / kempen "Hijaukan Bumi Kita" | 2 |
| 2. Mengadakan pertandingan landskap indah (peringkat komuniti) | 2 |
| 3. Mewajibkan pemaju perumahan menanam pokok | 2 |
| 4. Mendenda pihak yang menebang pokok secara sewenang-wenangnya | 2 |
| 5. Menyemai perasaan cinta akan suasana hijau dalam diri generasi muda | 2 |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Penutup

1. Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedari kepentingan pokok dalam kehidupan manusia agar / supaya kualiti hidup dapat ditingkatkan. 2
2. Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedari kepentingan pokok dalam kehidupan manusia 1
3. Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama agar kesejahteraan hidup manusia sentiasa terpelihara. 0

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi baik. • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. • Kosa kata masih memuaskan • Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat**,perkataan demi perkataan,ayat demi ayat walau pun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup - Isi cukup tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1

- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas.ayat gramatis	0
---	---

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *unsur yang menjadi penghalang*
- elemen yang bertindak sebagai penghadang/penyekat/perintang 2
 - elemen yang bertindak sebagai penghalang 1
 - unsur yang menyekat / mengekang 1

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Sebab-sebab : (isi cukup – 2)
- cuaca di bandar lebih panas berbanding di kampung
 - setiap bilik (di sesebuah rumah) memerlukan penyaman udara
 - perlu ditukar selang beberapa tahun akibat rosak

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Kesan-kesan : (isi cukup – 3)
- akan memusnahkan ekosistem alam.
 - mengancam habitat flora dan fauna.
 - menyebabkan suhu bumi / alam sekitar meningkat / kesan rumah hijau.
 - berlakunya pencemaran alam / banjir / tanah runtuh.
 - kawasan tadahan hujan musnah.
 - kualiti hidup manusia akan terjejas / kos hidup meningkat.

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima] [Maksimum : 4 markah]**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

- (i) Pendapat ayah tentang samudera
- samudera akan terus bergelora meskipun telah banyak mengalami kemusnahan 1
 - samudera akan terus menyumbangkan baktinya kepada manusia. 1

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Perkara-perkara yang perlu dilakukan (Isi cukup – 2)
- menyokong setiap pembangunan yang ingin dilaksanakan asalkan kawasan persisiran pantai tidak terjejas.
 - mematuhi arahan agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan pantai.
 - tidak membiarkan pelancong membuang sampah di kawasan pantai / memastikan sampah dibuang di tempat yang disediakan.
 - membuat laporan kepada pihak berkuasa jika ada pihak lain yang melakukan pencemaran laut.

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima] [Maksimum : 3 markah]

(iii) **Satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan :

- Nilai menghargai/cinta akan alam sekitar. Contohnya, Mir mendengar suara ayahnya yang memintanya memelihara laut daripada tercemar. 1 + 1
- Nilai bertanggungjawab. Contohnya, Mir memegang amanah yang telah diberikan oleh ayahnya. 1 + 1

[Maksimum : 2 markah]

Satu nilai murni yang terdapat dalam cerpen :

- Nilai keprihatinan. Contohnya, Hakimah mengambil berat masalah yang dihadapi oleh Mir. 1 + 1
- Nilai keberanian. Contohnya, Ayah Mir berani membelah samudera yang ganas untuk mencari rezeki. 1 + 1
- Nilai kasih sayang. Contohnya, kasih sayang Amirah kepada ayahnya tidak pernah berbelah bahagi. 1 + 1
- Nilai kesabaran. Contohnya, Mir kelihatan sabar menghadapi dugaan yang melanda hidupnya apabila rumah mereka akan dirobuhkan. 1 + 1
- Nilai kepatuhan kepada agama. Contohnya, ibu Hakimah digambarkan sentiasa berpegang kepada ajaran agama dan turut menghadihkan tudung kepada Amirah. 1 + 1
- Nilai rasional. Contohnya, Ayah Amirah rela menerima suratan takdir apabila rumahnya akan dirobuhkan untuk pembangunan. 1 + 1

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud :

- Awang Sulung meminta izin / kebenaran untuk balik / pulang 2
- meminta izin / kebenaran untuk balik / pulang 1

(ii) Tindakan-tindakan (Isi cukup – 2)

- menghalang cubaan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa yang hendak terjun ke laut
- membawa tuan puteri masuk ke magun / bilik
- meminta Awang Sulung tidak menyakat tuan puteri lagi (kerana akan menyusahkan mereka)

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Tidak wajar : (isi cukup – 2)
- salah di sisi agama
 - menjejaskan imej baginda sebagai puteri raja / menjejaskan imej keturunan raja
 - menunjukkan bahawa baginda tidak berfikiran matang / membuat keputusan terburu-buru / terlalu mengikut perasaan
 - membahayakan keselamatan diri sendiri

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima] [Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) – Gurindam

- (i) Maksud baris:
- perkara yang elok dan tidak menyenangkan yang berlaku dalam hidup kita perlu dijadikan panduan 2

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Sebab bakat kreatif perlu dikembangkan: (isi cukup – 2)
- supaya kebolehan dirinya boleh dikenal pasti
 - dapat menjadi haluan kepada kerjayanya pada masa hadapan
 - untuk menunjukkan potensi dirinya agar dapat dinilai oleh orang lain
 - dapat meningkatkan keyakinan diri seseorang

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Nilai murni : (isi cukup – 2)
- Kita hendaklah menghargai masa dalam kehidupan. 1+1
Contohnya, tidak menangguhkan kerja yang patut dilakukan pada masa itu.
 - Kita hendaklah tekun/gigih semasa bekerja . 1+1
Contohnya, orang yang tekun bekerja akhirnya akan membawa kejayaan.
 - Kita hendaklah bersederhana dalam kehidupan. 1+1
Contohnya, seseorang itu perlu bersederhana dalam kehidupan.
 - Kita hendaklah sabar dalam menempuh cabaran. 1+1
Contohnya, seseorang itu perlu sabar dalam menghadapi cabaran.
 - Kita perlulah bertimbang rasa/prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh orang lain. 1+1
Contohnya, seseorang itu perlulah prihatin terhadap orang lain.
 - Kita hendaklah ikhlas dalam menjalankan tugas. 1+1
Contohnya, seseorang itu hendaklah ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara.

- Setiap pemimpin perlulah mempunyai daya kepimpinan. 1+1
Contohnya, seseorang pemimpin perlulah menunjukkan teladan yang baik.
- Seseorang itu perlulah berjimat dalam perbelanjaan. 1+1
Contohnya, seseorang itu perlulah berjimat dan tidak membazir ketika berbelanja.
- Seseorang itu perlulah kreatif dalam melakukan sesuatu pekerjaan. 1+1
Contohnya, kekreatifan perlu ada dalam diri seseorang agar bakat dapat ditonjolkan.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah
- Soalan 3(b) : **6** markah
- Soalan 3(c) : **6** markah
- Soalan 3(d) : **6** markah
- Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3(a)

- i) **duduk**
- beristirahat di atas punggung / tempat letaknya / tinggal (diam / menetap)
- ii) **duduk-duduk**
- berehat-rehat sambil mengambil angin
- iii) **terduduk**
- terjatuh duduk dengan tiba-tiba dan tidak sengaja
- iv) **penduduk**
- orang yang menetap di sesuatu daerah
- v) **menduduki**
- mengambil tempat duduk / mendiami / menakluki / mengambil (mengikuti) sesuatu peperiksaan atau ujian
- vi) **kedudukan**
- tempat tinggal / tempat letaknya / keadaan atau selok-belok sesuatu perkara / tingkatan taraf (martabat, darjat)

[Maksimum : 6 makah]**Jawapan 3(b)**

- (i) Dua orang nelayan terpaksa berpaut pada tong minyak.
(ii) Bot mereka karam dipukul ombak besar.
(iii) Mereka menangkap ikan di perairan Pulau Beras Basah, Langkawi, Kedah
(iv) Hampir sembilan jam mereka terapung-apung di tengah laut
(v) Mereka diselamatkan oleh sebuah kapal dagang dari Indonesia.
(vi) Sebuah kapal dagang Indonesia melalui perairan itu.

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3(c)**

sunami	-	tsunami
bergegar	-	gegaran
teranggap	-	beranggapan / menganggap
mala petaka	-	malapetaka
trajedi	-	tragedi
hadapi	-	menghadapi

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(d)

- | | | | |
|-------|------------------------------------|---|---|
| (i) | menghiris
dimasak oleh saya | – | menyiang / memotong
saya masak |
| (ii) | pada pukul tujuh pagi
menumpang | – | pada pukul tujuh
membonceng / menunggang |
| (iii) | mengindahkan
mengejar terus | – | mengendahkan
terus mengejar |

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3(e)**

- (i) alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan / alang-alang mandi biar basah / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang berminyak biar sampai licin
- (ii) carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- (iii) sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
iii) Beri 2 markah untuk 1 isi – dua peristiwa pada peringkat peleraian
iv) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.
v) Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.
vi) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah

- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
iii) Jawapan mesti merujuk kepada persoalan tentang semangat kerjasama setiap novel.
iv) Aspek Pemarkahan: Berikan 1 markah untuk pernyataan persoalan tentang semangat kerjasama bagi setiap novel.
- Berikan 2 markah untuk contoh / huraian yang lengkap / jelas
- Berikan 1 markah untuk contoh / huraian yang tidak lengkap / jelas
- Maksimum markah setiap isi = 3 markah
v) Huraian tanpa menyatakan persoalan tentang semangat kerjasama dalam novel, 0 markah
vi) Markah isi maksimum, 6 markah
vii) Markah bahasa maksimum, 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi
viii) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
x) Calon tidak menjawab, 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

4 (a) Peristiwa peringkat peleraian:**Azfa Hanani:**

- a. Azfa Hanani kembali tinggal di banglo Datuk Tengku Makmur dan Datin Maziah. Kali ini dia mahu dikenali dengan identiti sebenar, bukan sebagai Tengku Murni lagi. 2m
- b. Tengku Muzaffar semakin mendekati diri dengan agama. 2m
- c. Aktiviti Hari Sumbangsih telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM16,655.00. 2m
- d. Syafikah dan Fuziana bersikap baik terhadap Azfa Hanani. 2m
- e. Motosikal yang ditunggang oleh Iskandar terlibat dalam kemalangan jalan raya dan Iskandar telah terbunuh. Manakala Laili yang membonceng motosikal tersebut telah cedera parah dan kini di wad ICU. 2m
- f. Pasukan yang menyertai pertandingan Forum Remaja telah menjadi johan peringkat negeri dan Azfa Hanani telah dinobatkan sebagai Pengerusi Forum Terbaik. 2m
- g. Tengku Muzaffar membantu Ekran membina semula gerai burger milik Ekran. Akhirnya Azfa Hanani mengetahui kedudukan perkara yang sebenar iaitu, Tengku Muzaffarlah yang membakar gerai burger Ekran. 2m
- h. Ekran bukanlah daripada keluarga yang susah. Ayah dan ibunya merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah di Amerika Syarikat. Adik-adik perempuannya ikut serta manakala adik lelakinya menuntut di sebuah sekolah berasrama penuh. Dia selesa tinggal dengan datuk dan neneknya. 2m

Kembara Amira:

- a. Rahsia Tau sebagai makhluk berbulu terbongkar. 2m
- b. Konflik keluarga Tau selesai, Itai mengetahui bahawa Tau ialah bapanya dan Malique ialah abang kepada Itai. Jennifer ialah bekas isteri Tau iaitu Ipah. Tau sangat gembira dapat bertemu Sabi (Malique) 2m
- c. Amira menyambung pelajaran dalam bidang aeroangkasa. 2m
- d. Itai menuntut dalam jurusan perubatan di Kubang Kerian. 2m

- e. Malique terlibat dengan projek IT di perkampungannya. Dia juga telah mengagalkan projek perlombongan emas dengan mencipta virus untuk memusnahkan laporannya. 2m
- f. Jacinta ke Paris kerana terlibat dengan perniagaan fesyen keluarganya. 2m
- g. Prof. Zaidah masih berada di Bukit Mat Raya dalam fasa keempat. Beliau mengajak Amira untuk berjumpa di rumah nenek Amira yang akan disertai oleh ayah Amira. 2m
- h. Dr. Zawawi menjelaskan bahawa dia telah bekerja dengan sebuah syarikat swasta sebagai pengesan khazanah Melayu yang tenggelam dan hilang di laut. 2m

4 (b) Persoalan semangat kerjasama

Azfa Hanani:

- a. Persoalan semangat kerjasama dalam novel Azfa Hanani ialah **kerjasama menganjurkan majlis.** 1m
- Buktinya, pelajar-pelajar Tingkatan 5 menganjurkan Hari Sumbangsih. Hasil kerjasama semua pelajar, program tersebut berjaya dijalankan dengan lancar dan mereka berjaya mengumpul dana sebanyak RM 16,655.00. 2m
- b. Persoalan semangat **kerjasama untuk membantu rakan.** 1m
- Buktinya, Azfa Hanani bersedia menggantikan tempat Ellina sebagai Pengerusi Forum kerana kesibukan Ellina menguruskan Malam Sumbangsih. 2m
- Buktinya, Tengku Muzaffar bekerjasama dengan Ekran untuk membina semula gerai burger Ekran yang dibakarnya. 2m
- c. Persoalan semangat **kerjasama dalam membantu ahli keluarga yang mengalami kesusahan.** 1m
- Buktinya, Tengku Mazran bekerjasama dengan Azfa Hanani untuk menyelamatkan ibunya Datin Maziah daripada tekanan jiwa dengan meminta Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni. 2m
- Buktinya, Azfa Hanani bekerjasama dengan menerima tawaran menyamar sebagai Tengku Murni daripada Tengku Mazran untuk membantu membiayai rawatan penyakit lumpuh Zuraini. 2m

- d. Persoalan semangat **kerjasama dalam pembelajaran.** 1m
- Buktinya, Azfa Hanani dan rakan-rakannya di Sekolah Menengah Sri Dian bekerjasama dalam menjalankan uji kaji di makmal sains. 2m

Kembara Amira:

- a. Persoalan semangat kerjasama dalam novel Kembara Amira ialah **kerjasama berpasukan yang erat dalam menjalankan tugas.** 1m
- Buktinya, Profesor Zaidah dan Dr. Zawawi bekerjasama dengan pelajar-pelajar menjalankan kajian arkeologi di Desa Karpus. 2m
- b. Persoalan semangat kerjasama yang kedua ialah **kerjasama membantu orang yang memerlukan pertolongan.** 1m
- Buktinya, Itai telah membantu menyelamatkan Amira yang hanyut dalam arus sungai yang deras. 2m
 - Buktinya, Tau telah membantu Jacinta yang sesat di dalam hutan. 2m
- c. Persoalan semangat **kerjasama dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.** 1m
- Buktinya, kerjasama yang erat telah ditunjukkan oleh Amira, Itai, Jacinta, Pak Lias dan Roslan dalam usaha mencari Malique yang hilang di dalam hutan. 2m
- d. Persoalan semangat **kerjasama dalam menyelesaikan misi mengesan kewujudan tamadun manusia.** 1m
- Buktinya, Tau telah bekerjasama dengan kumpulan Prof. Zaidah dengan membawa mereka ke Gunung Gua Gajah untuk menjejaki kesan-kesan kewujudan tamadun manusia. 2m